



CONTOH struktur rumah hijau yang sesuai untuk tanaman anggur.

# Mahu tanam anggur

## soal & jawab

**A**DAKAH Jabatan Pertanian menggalakkan penanaman anggur di negara ini. Kalau ada bagaimana menceburinya?

**Jawapan:** JABATAN Pertanian menawarkan khidmat nasihat berkaitan penanaman anggur kepada mereka yang memerlukan bantuan khidmat nasihat tersebut.



### Keterangan:

Penanaman anggur di negara ini bermula pada awal tahun 1980-an menerusi kajian yang dijalankan oleh Universiti Putra Malaysia (UPM).

Pada 1986, UPM telah mengadakan kerjasama dengan Jabatan Pertanian Negeri Perlis bagi memulakan penanaman anggur di negeri tersebut. Lokasi tersebut dipilih kerana mengalami cuaca kemarau atau kering selama lebih kurang tiga bulan dan keadaan amat sesuai bagi penanaman anggur. Seterusnya, pelbagai penyelidikan telah dan sedang dijalankan bagi meningkatkan kualiti penghasilan buah anggur tersebut.

Bagi penyediaan kawasan, penanaman anggur dijalankan di kawasan yang berasingan mengikut jenis baka yang ditanam bagi memudahkan kerja-kerja penyelenggaraan

kerana tumbesaran dan kaedah penyelenggaraan adalah berbeza bagi setiap klon. Tanah yang sesuai adalah jenis lempung berpasir dan bagi tanah keras penggemburan perlu dilakukan pada kedalaman enam hingga 10 sentimeter (cm) manakala keasidan tanah adalah antara lingkungan pH 5.5 hingga 6.5. Jarak tanaman anggur adalah 1.5 meter (m) x 3m dengan setiap lubang dimasukkan empat kilogram (kg) baja organik dan gaul dengan baja CIRP sebanyak 115g.

Antara kerja yang lain yang perlu dilakukan adalah pemangkasan pengeluaran dahan apabila mencapai ketinggian 1.8m. Biarkan dua atau tiga cabang sekunder sepanjang satu meter. Untuk pangkasan kali kedua, biarkan dahan sisi tumbuh sebanyak empat cabang setiap sisi.

Pangkasan pembuahan perlu dilakukan bagi menggalakkan pembuahan iaitu dengan memotong bahagian antara coklat dan hijau biarkan dahan berbunga coklat tua untuk pengeluaran bunga. Semua daun perlu dibuang bagi pemangkasan pembotakan dan tunas akan muncul selepas 10 hari.

Penyediaan struktur para perlu dilakukan bagi membolehkan pokok menjalar dan memudahkan pengeluaran hasil serta penjagaan pokok keseluruhannya.

Tempoh kematangan berbeza mengikut klon tetapi biasanya antara 120 hari hingga 140 hari selepas pemangkasan pembuahan dilakukan. Secara amnya anggaran hasil bagi sepokok anggur adalah antara lapan hingga 11 kilogram (kg) semusim dan bagi baka I. A. C dan boleh mencecah 22kg sepokok semusim. Kos pengeluaran anggur sehektar boleh dianggarkan mencecah RM182,000 manakala jangkaan hasil yang boleh diperolehi daripada sehektar tanaman anggur sebanyak 89 tan bagi tempoh penanaman selama 10 tahun.

Untuk pertanyaan lanjut, boleh berhubung dengan pegawai kami di Jabatan Pertanian Negeri Perlis, Kompleks Pertanian Bukit Temiang, Beseri, Perlis melalui talian 04-9382929 atau Bahagian Hortikultur, Pusat Pembangunan Komoditi, Kompleks Pertanian Serdang, Selangor di talian 03-89486302.

Varieti	Tempoh matang pokok	Warna masak
I. A. C	8- 12 bulan	Hijau
Black Queen	9 - 12 bulan	Kehitaman
Black Opal	10 - 12 bulan	Hitam biru
New White Malaga	10 -12 bulan	Hijau

SEGALA pertanyaan dan kemusykilan dalam bidang pertanian boleh diajukan kepada [projabptanian@gmail.com](mailto:projabptanian@gmail.com)